

Rampasan RM22.9 juta, 63 tangkapan

SH 25/2/2022 MS: 12

Ops Pagar Laut berjaya tumpaskan pelbagai kegiatan jenayah rentas sempadan

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL

PUTRAJAYA

Ageni Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menumpaskan pelbagai kegiatan jenayah rentas sempadan dengan rampasan bernilai RM22.9 juta menerusi Ops Pagar Laut.

Ketua Pengarahnya, Laksamana Maritim Datuk Mohd Zubil Mat Som, operasi khas tersebut dilancarkan sejak 19 April hingga 17 Mei lalu sempena musim perayaan dan memfokuskan

kes penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI), kontraband serta barangan kawalan di sempadan perairan negara.

“Sebanyak 63 tangkapan melibatkan pelbagai kesalahan. Seramai 48 PATI dari Indonesia, Vietnam, Kemboja, Myanmar, Filipina dan Thailand yang cuba masuk dan keluar secara haram melalui perairan ditahan.

“Kes pencerobohan perairan oleh bot nelayan asing pula merekodkan penahanan 15 bot serta 160 kru warga Vietnam,” katanya ketika ditemui sempena majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Ibu Pejabat Maritim Malaysia di sini pada Selasa.

Sementara itu Mohd Zubil berkata, kes berkaitan aktiviti jenayah



MOHD ZUBIL



Antara individu yang ditahan dalam Ops Pagar Laut dilaksanakan Maritim Malaysia.

kontraband dan penyeludupan barang kawalan merekodkan 13 kes yang melibatkan empat kes penyeludupan rokok di perairan Semporna, Sabah.

“Dua kes daun ketum seberat 2.18 tan di perairan Perlis, masing-

masing satu kes penyeludupan minyak masak, petrol, dadah, mercun dan tong gas dengan nilai rampasan sebanyak RM448,860,” jelasnya.

Dalam pada itu Mohd Zubil berkata, 23 kes tangkapan pelbagai

kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 melibatkan sembilan bot nelayan tempatan.

“Enam kes Ordinan Perkapalan Saudagar serta lapan kes Enakmen Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) 2002,” ujarnya.